

20 AUG 2002

BN-Jumpa

KOMPONEN BN YANG MAJOROTI BANGSA CINA BERJUMPA MALAM INI

KUALA LUMPUR, 20 Ogos (Bernama) --Komponen Barisan Nasional (BN) yang mempunyai ramai ahli berbangsa Cina malam ini mengadakan perjumpaan kali ke-4 bagi membincangkan cadangan penggunaan bahasa Inggeris untuk mata pelajaran Matematik dan Sains di semua sekolah rendah berkuatkuasa tahun hadapan.

Mesyuarat itu dihadiri oleh ketua komponen BN seperti Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Kheng Yaik, Presiden Parti Maju Sabah (SAPP) Datuk Yong Teck Lee dan Presiden Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) Tan Sri George Chan Hong Nam.

Turut hadir Timbalan Presiden SUPP Datuk Seri Lau Hing Ting, Timbalan Presiden SAPP Datuk Tham Nyip Shen serta Timbalan Presiden Parti Progresif Rakyat Malaysia (PPP) P.C.Low serta Naib Presiden MCA Datuk Seri Ong Ka Ting dan Datuk Dr Fong Chan Onn.

Bagaimanapun wakil daripada Parti Liberal Demokratik Sabah (LDP) tidak hadir mesyuarat kali ke empat itu.

Mesyuarat berlangsung selama dua jam dengan kebanyakan ahli membincangkan isu penggunaan bahasa Inggeris untuk mengajar Sains dan Matematik di peringkat sekolah rendah.

Bagaimanapun pemimpin BN yang menghadiri mesyuarat itu enggan mengulas mengenai perbincangan mereka malam ini, kecuali menyatakan hasil perbincangan akan dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada mesyuarat kabinet, esok.

--BERNAMA

AT KK ZB